



Siti Nurul Jannah merakam kenangan bersama bekas atlet skuasy negara, Sharon Wee ketika menyertai Liga Skuasy IPT buat kali pertama, tiga tahun lalu.

Siti Nurul Jannah bersama-sama pasukan skuasy Terengganu ketika menyertai Kejohanan Skuasy Remaja CIMB pada 2013.



Siti Nurul Jannah dinobatkan selaku naib juara pada aksi Grand Final Liga Skuasy IPT 2015 di Universiti Malaya.



Merakam kenangan bersama-sama atlet yang menyertai sirkit pertama Liga Skuasy IPT di Melaka.

# JANNAH TEKAD BAIKI RANKING SKUASY IPT

## PROFIL

**Nama:** Siti Nurul Jannah Mohd Razali

**Umur:** 21 tahun

**Asal:** Kuala Terengganu

**Tinggi:** 164 sm

**Pendidikan:**

- SK Teluk Ketapang (2004-2009)
- SMK Kompleks Gong Badak (2010 -2014)
- Diploma Teknologi Maklumat (2015 - 2017)
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) ISM Teknologi Maklumat (Informatik Media) - Tahun 2

**Pencapaian sukan skuasy:**

- Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 - **tempat kelima**
- SUKIPT 2016 - **tempat keempat**
- Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) - **tempat keempat**
- Grand Final Liga Skuasy IPT 2015 - **Naib Juara**
- Terbuka Remaja Antarabangsa Pulau Pinang edisi ke-13 - **kelapan**
- Sukma Perlis (2014) - **suku akhir**
- Sukma Pahang (2012) - **suku akhir**
- MSST 2014 - **Naib juara**
- MSST 2005 hingga 2013 - **Juara**



Aksi Siti Nurul Jannah Mohd Razali mempamerkan aksi bertenaga ketika menyertai temasya SUKIPT 2017.

Mula bergelar atlet negeri sejak berusia lapan tahun, mendorong Siti Nurul Jannah Mohd Razali, 21, meneruskan minatnya dalam sukan skuasy walaupun sedar terpaksa berdepan cabaran getir, apatah lagi dia kini bergelar mahasiswa di Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Anak bongsu daripada tiga beradik itu mengakui, ia bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan kerana perlu membahagikan masa dengan seimbang antara sesi latihan dan menelaah pelajaran untuk meraih segulung ijazah Sarjana Muda (Kepujian) ISM Teknologi Maklumat (Informatik Media) sebagaimana diimpikan.

Begitu pun, minat mendalam mengatasi segala-galanya buat Siti Nurul Jannah atau lebih mesra dengan panggilan Jannah yang kini kembali memasang impian untuk berada dalam ranking terbaik sukan itu terutamanya di peringkat penganjuran Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) dan juga Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum).

Menceritakan penglibatannya dalam sukan itu, Jannah berkata, ia bermula daripada ajakan rakan bapanya, Ahmad Ammedza Asrhad yang ketika itu sedang mencari atlet muda untuk diketengahkan ke peringkat tertinggi khususnya bagi mewakili Terengganu.

"Jadi, bermula dari situ saya mula mempelajari teknik-teknik asas sukan skuasy di bawah bimbingan Ahmad Ammedza yang juga bertindak sebagai salah seorang jurulatih negeri.

"Sepanjang memulakan karier sebagai atlet sukan skuasy, saya berjaya

mengekal prestasi terbaik selaku juara bertahan di peringkat Majlis Sukan Sekolah Terengganu (MSST) sejak 2005 sehingga 2013 dan naib juara ketika berada dalam tingkatan 5 (2014) kerana terpaksa fokus untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

### MULA PERBAIKI PRESTASI

Pemegang Diploma Teknologi Maklumat, UniSZA itu mengakui prestasinya sedikit menurun sejak menyambung pengajiannya tiga tahun lalu kerana perlu menyesuaikan diri sebagai mahasiswa sehingga perlu mengurangkan sesi latihan.

Bagaimanapun katanya, peluang untuk mewakili UniSZA dalam Liga Skuasy IPT 2015 kembali memberi nafas baharu buatnya untuk mengulangi kegemilangan dalam sukan itu dan penampilan pertamanya membuahkan hasil apabila menggondol naib juara pada sirkit pertama yang berlangsung di Pusat Sukan, Stadium Hang Jebat, Melaka.

"Bermula dari situ saya mula menggandakan usaha memburu kejayaan, namun nasib tidak menyebelahi apabila sekadar meraih tempat ketiga pada sirkit kedua di Pusat Sukan Skuasy, Bukit Jalil.

"Begitu pun, kekecewaan pada sirkit kedua akhirnya berbalas apabila kembali meraih gelaran naib juara pada aksi Grand Final yang berlangsung di Pusat Sukan Universiti Malaya walaupun tewas kepada atlet Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur, Adele Han May Jen sekali gus memberikan suntikan semangat untuk terus melakarkan kejayaan bersama-sama UniSZA," katanya.

### NICOL DAVID, NOUR EL SHERBINI JADI IDOLA

Menjadikan pemain skuasy nombor satu dunia, Datuk Nicol Ann David dan bintang skuasy dari Mesir, Nour El Sherbini sebagai idolanya, Jannah kini tekad memperbaiki rankingnya selepas sekadar berada di kedudukan kelima dalam saingan SUKIPT yang melabuhkan tirainya Februari lalu.

Katanya, pada saingan SUKIPT dua bulan lalu, ranking pertama diungguli rakan baiknya sendiri Nurina Mohd Najib (UiTM Shah Alam) yang juga atlet kelahiran Terengganu dan mereka pernah menjalani latihan bersama sejak sekolah rendah lagi.

"Malah, kejayaan Nurina juga menjadi perangsang kepada saya untuk memberi saingan lebih sengit lagi menjelang temasya Liga Skuasy IPT 2018 yang dijadualkan bermula akhir Jun depan.

"Insya-ALLAH saya kini sedang menjalani latihan untuk memperbaiki mutu permainan," katanya.

Dalam pada itu, Jannah turut mengimpikan beraksi di peringkat lebih tinggi terutamanya dalam Kejohanan Universiti Asean dan menyifatkan ia bukan sesuatu yang mustahil jika terus konsisten menjalani latihan.